

# 'Senjata' baharu KKM perangi COVID-19

Oleh Ilah Hafiz Aziz

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 110,000 pesakit COVID-19 berisiko tinggi akan menjadi kelompok pertama dirawat menggunakan ubat antiviral, Paxlovid keluaran Pfizer yang akan diterima Kementerian Kesihatan (KKM), bulan ini. Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menyifatkan ketibaan ubat itu kelak akan memberi lebih 'senjata' kepada KKM dalam usaha memerangi pandemik COVID-19 di negara ini.

"Kita kini mempunyai lebih banyak 'senjata' yang akan digu-

nakan dalam melawan COVID-19.

"Dalam perolehan yang pertama ini, kita sudah beli bekalan untuk 110,000 pesakit dan ini akan diberikan kepada mereka yang berisiko tinggi sebaik ubat diterima," katanya pada Persidangan Dialisis Tahunan ke-16 Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) di sini, semalam.

Khairy berkata, bekalan ubat antiviral daripada Pfizer itu dijangka tiba dalam dua minggu lagi selepas KKM memuktamadkan pembeliannya bulan lalu.

## Syor perluas MySejahtera untuk derma organ

Dari muka 1

Beliau berkata, sekiranya ubat antiviral itu berkesan merawat pesakit COVID-19 seperti maklumat yang diterima KKM, barulah kerajaan akan melaksanakan perolehan kedua.

"Ada dua lagi yang kita akan beli (iaitu) Molnupiravir dan satu lagi daripada AstraZeneca, tetapi belum dimuktamadkan," katanya.

Khamis lalu, penggunaan Paxlovid di negara ini diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk kegunaan ketika bencana bagi rawatan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ubat berkenaan akan digunakan untuk rawatan COVID-19 pada orang dewasa berusia 18 tahun dan ke atas, yang tidak memerlukan terapi oksigen dan berisiko tinggi untuk mendapat gejala COVID-19 yang teruk.

Bagaimanapun, beliau berkata, Paxlovid tidak bertujuan untuk digunakan sebagai pengganti bagi vaksinasi COVID-19

manakala tindakan kesihatan awam terutama pematuan prosedur operasi standard (SOP) masih diutamakan.

Laporan sebelum ini menyebutkan, Paxlovid keluaran Pfizer mampu mengurangkan kesan COVID-19 sehingga 90 peratus.

Ia dibenarkan untuk diambil individu berusia 12 tahun dan ke atas serta mempunyai kebimbangan keseluruhan yang lebih rendah.

Pfizer pada pertengahan bulan ini berkata, kajian vitro mengesyorkan Paxlovid patut dikekalkan sebagai berkesan terhadap Omicron berbanding rawatan lain untuk COVID-19 seperti penggunaan antibodi monoklonal dari Regeneron dan Eli Lilly yang menunjukkan ia tidak berkesan terhadap Omicron.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy turut mencadangkan aplikasi MySejahtera yang dibangunkan untuk memantau jangkitan COVID-19 ditambah baharu bagi membolehkan orang ramai berikrar untuk menjadi penderma organ.

Beliau berkata, usaha itu per-



Khairy memukul gong ketika melancarkan Persidangan Tahunan Dialisis, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

lu memandangkan negara kini berhadapan peningkatan pesakit penyakit buah pinggang kronik, manakala jumlah individu yang berikrar sebagai penderma organ semakin berkurang, malah Malaysia antara yang terendah di dunia.

"Saya akan cuba yang terbaik bagi dapatkan ikrar dan menjadikan ia lebih mudah un-

tuk orang ramai ikrar untuk dermakan organ mereka... Saya sedang cuba untuk MySejahtera menambah 'butang' supaya hanya dengan menekan butang tersebut dan berikrar menjadi menderma organ," katanya.

Beliau berkata pada 2016, lebih 40,000 pesakit penyakit buah pinggang kronik yang bergantung kepada rawatan

dialisis, dan berdasarkan unjuran sekiranya trend ini tidak dikurangkan, jumlah pesakit itu dijangka meningkat kepada 100,000 pesakit.

Khairy juga berkata, langkah pencegahan dan pengesanan penyakit kronik menerusi saringan kesihatan juga perlu dibudayakan, justeru itu kerajaan telah melaksanakan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) bagi membantu golongan itu membuat saringan kesihatan secara percuma.

Namun, beliau berkata daripada lima juta individu yang layak menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40, kurang 12 peratus individu telah membuat saringan kesihatan.

Mengulas pembukaan semula sempadan negara, Khairy berkata, ia akan diumumkan oleh Perdana Menteri, minggu depan.

"Kabinet yang bersidang kelmarin bersetuju dengan tarikh pembukaan sempadan itu.

"Ia adalah bertujuan untuk memberi masa kepada sektor yang terbabit seperti imigresen, syarikat penerbangan, perhotelan dan sebagainya," katanya.